



# KEISTIMEWAAN MAQAMAT AL-OUUD

Watak dan kepelbagaian sesuatu alat muzik memainkan peranan penting dalam kedudukannya pada keseluruhan muzik yang dimainkan. Langkah mengkategorikan alat muzik mengikut wataknya – alat bertali, alat yang menghasilkan nada yang berterusan, alat gesekan atau tiupan, bes atau soprano – dapat membantu usaha penyusunan muzik dan komposisi yang lebih berkesan.

Ciri yang membezakan alunan alat muzik oud daripada pelbagai alat muzik lain bukanlah pada suara yang dihasilkan, tetapi *maqamat* yang digunakan. Sepanjang sejarah, oud telah menjadi alat muzik tradisional dalam permainan muzik konvensional yang mempunyai struktur berirama.

Sebagaimana terdapat pelbagai pendekatan untuk membangunkan gaya permainan oud dan teknik, ada juga pelbagai saluran dan pendekatan yang disampaikan kepada pelajar muzik pada konservasi menggunakan kaedah mengajar secara individu dengan sistem pengulangan. Pada mulanya, cara pembelajaran sebegini berdasarkan peliharaan dan pendengaran. Dalam sistem ini, guru mengajar pelajar secara langsung melalui pendengaran dan hafalan. Bersatu dengan kaedah akademik, kaedah pengajaran ini masih berguna hingga hari ini, membolehkan guru menyampaikan bahan kepada pelajar dengan tepat nya dan mengekalkan sejarah peradaban pembelajaran tersebut.

Seperti notasi bertulis tidak digunakan pada masa lampau, banyak komposisi telah hilang hingga hari ini. Dokumentasi

dan penyebaran komposisi melalui notasi bertulis dimulakan bagi memastikan pemeliharaan komposisi dan kerana ini usaha penting dalam perkembangan yang positif.

## Taqsım

*Taqsım* dimainkan pada permulaan lagu untuk memberi pendengar gambaran tertentu (perihal menjiwai) terhadap lagu yang akan dimainkan. *Taqsım* bermaksud “pembukaan” atau “mukadimah”. *Taqsım* dimainkan secara spontan dan mampu menjadi metrik atau bukan metrik. *Taqsım* biasanya dipersembahkan secara berseorangan (solo), tetapi boleh juga diiringi oleh alat pengendalian atau alat muzik lain yang hanya memainkan satu nota sahaja [dengungan (*drone*) – nota kepunyaan kod pertama (tonik)]. *Taqsım* merupakan karangan muzik tanpa persediaan apabila pemain bermain secara solo menggunakan *maqam* (mod Arab) sebagai saluran utama sambil mematuhi peraturan serta kaedah tertentu bagi *maqamat* tersebut. *Taqsım* biasanya memuatkan beberapa modulasi kepada *maqamat* yang berkaitan.

## Maqamat

Dalam muzik Arab, *maqam* ialah urutan not dengan peraturan yang mendefinisikan pembentukan melodi secara am. Persamaan yang terdekat dengan muzik klasik dari Barat ialah *mode* (Locrean, Phrygian, sebagai contoh). *Maqam* Arab dibina di atas skala Arab (*diwan* dalam bahasa Arab).

Selain skala kromatik yang digunakan dalam muzik

klasik Barat, penalaan skala Arab tidak tetap. Banyak *maqam* memuatkan not yang boleh dianggarkan dengan “suku ton” (*quartertones*), walaupun jarang-jarang tepat berkedudukan separuh daripada dua ton (*semitones*). Not yang dipilih sebagai dua ton mungkin memuatkan submikroton, bergantung pada *maqam* yang digunakan.

Atas sebab ini, apabila menulis muzik Arab dengan menggunakan sistem notasi dari Barat, terdapat kefahaman bahawa penalaan sebenar sesuatu not itu dapat beralih-alih mengikut setiap *maqam* dan sistem pendengaran amat diperlukan. Blok pembinaan *maqam* daripada urutan tiga, empat, atau lima not disebut sebagai *trichords*, tetrakod (*tetrachords*) dan *pentachords*. Sebutan Arab bagi urutan ini ialah *jins* (ajnas jika lebih daripada satu *jins*) yang bermaksud jenis.

Oleh sebab muzik klasik Arab secara keseluruhannya melodik (harmoni dikecualikan), pemilihan *maqam* banyak mempengaruhi *mood* sesuatu lagu. Setiap *maqam* memuatkan undang-undang yang akan menentukan pembentukan melodi (*sayr* dalam bahasa Arab). Undang-undang ini menterjemahkan not yang perlu ditekankan, kekerapan dan susunannya. Hal ini bermakna bahawa dua *maqam* mempunyai jeda *nada* (*tonal intervals*) yang sama, tetapi satu daripada versi pertukaran yang mungkin akan dimainkan dengan cara berlainan (sebagai contoh, *maqamat* Kurd dan Hijaz Kar Kurd). Setiap *maqam* memuatkan undang-undang yang

# Pada abad kesembilan, Abu al-Hassan al-Mawardi, kadi yang memegang jawatan tertinggi dalam pengajian dan pendidikan dunia Islam di Baghdad, memuji penggunaan oud untuk mengubati penyakit.

memastikan not permulaan (tonik atau *qarar* dalam bahasa Arab), nota penamat (*mustaqar* dalam bahasa Arab), apabila dalam kes berlainan, berbeza kepada tonik dan not dominan (*ghammaz* dalam bahasa Arab).

Dominan ialah not permulaan daripada *jins* kedua (secara amnya yang kelima, tetapi ada masanya yang keempat atau not ketiga) dan menjadi not pusingan ketika modulat. Apabila maqam Arab didefinisikan, diajarkan dan didokumentasikan, setiap maqam sentiasa bermula dalam tonik yang sama. Sebagai contoh, maqam al-Rast sentiasa ditunjukkan dengan bermula pada notasi C. Secara amnya, maqam boleh beralih, tetapi hanya kepada tonik berlainan.

## Fungsi Terapi

Simbolisme bahawa alat muzik oud mempunyai fungsi pengubatan berterusan hingga abad ke-19 dengan kemampuan mengimbangi sifat kemarahan serta menyegarkan tubuh badan. Muhammad Shihab al-Din, penulis abad ke-19, berpendapat bahawa oud mampu menenangkan dan memulihkan jantung. Selama oud menjadi sari pati awal kordofon, oud juga mempunyai fungsi sintesis.

Pada abad kesembilan, Abu al-Hassan al-Mawardi, kadi yang memegang jawatan tertinggi dalam pengajian dan pendidikan dunia Islam di Baghdad, memuji penggunaan oud untuk mengubati penyakit. Prinsip ini diakui dan dipertahankan di Arab-Sepanyol oleh ahli teologi dan cendekiawan Islam, Ibn Hazm, pada abad ke-11. Al-Farabi pernah membentangkan prinsip falsafah tentang muzik, kualiti kosmik, dan apa-apa yang dapat dipengaruhi. Antara risalah al-Farabi termasuklah cara menangani terapi dengan menggunakan alunan muzik. Dia membincangkan kesan terapeutik muzik terhadap jiwa.

\*\*\*\*\*  
Zeryab membawa *maqamat* dari Istana Sultan Harun al-Rasyid di Iraq ke Cordoba. Mengikut kajian penggunaannya, *maqamat* tersebut mampu memberikan kesan penyembuhan terhadap tubuh.

## Maqam al-Hijaz

(Bintang: Sagitarius; Planet: Musytari; Unsur: Api)  
Maqam al-Hijaz ialah satu daripada tonaliti yang tertua. Maqam ini menggambarkan keistimewaan api. Kesannya

meningkat antara lewat petang dengan waktu pagi. Maqam ini bermanfaat untuk gangguan yang berkaitan dengan suhu sejuk-kering. Nama Hijaz berasal dari sebuah kawasan di Arab Saudi.

Fungsi: Maqam al-Hijaz mempunyai kesan penyembuhan terhadap penyakit tulang dan otak di samping kanak-kanak. Maqam ini mempunyai pengaruh yang melampau terhadap sistem urogenital dan buah pinggang. Maqam ini turut mendorong rasa rendah diri dan menurunkan kadar nadi yang rendah. Satu lagi bahagian yang dapat memberikan kesan ialah dada.

## Maqam al-Irak

(Bintang: Taurus; Planet: Zuharah; Unsur: Tanah)  
Maqam al-Irak mempunyai sifat kering-sejuk dan berkesan pada sekitar waktu prasuah dan tengah hari. Maqam ini mempunyai kait dengan hempedu hitam. Maqam ini juga berperwatakan feminin, berkesan pada waktu malam dan pada hari Jumaat. Tonaliti ini bermula sekurang-kurangnya sejak tujuh abad yang lalu. Nilai rohaniannya menjadi

perhatian. Maqam ini berasal dari kawasan Iraki-Acem di Timur Tengah.

Fungsi: Maqam al-Irak memberikan manfaat terhadap penyakit seperti meningitis, otak dan gangguan mental. Maqam ini memberikan kesan terhadap bahagian bahu, lengan (lengan kiri) dan tangan. Maqam ini juga dikenali dapat mengatasi bahagian atas kepala. Selain mempunyai kesan terhadap deria rasa dan meningkatkan pemikiran dan wawasan, maqam ini melegakan seseorang daripada perasaan takut. Maqam ini turut menghalang kemarahan dan menyembuhkan pesakit neurotik.


## Maqam al-Ajam

(Unsur: Api)  
Maqam al-Ajam bersifat kering dan panas serta berkesan pada tempoh antara berakhirnya waktu subuh dengan waktu duha (pertengahan pagi). Maqam ini ialah satu daripada tonaliti yang tertua yang menjalani proses peralihan.

Fungsi: Maqam al-Ajam memberikan kesan terhadap otak dan tulang serta membantu keseimbangan lemak dalam badan. Maqam ini mengaktifkan perasaan dan fikiran tidak aktif serta membantu tenaga kerja selain mampu membetulkan kedudukan bayi di dalam rahim dengan memutarannya hingga bawah. Selain melegakan sakit dan menyelesaikan kekejangan secara semula jadi, maqam ini meningkatkan selera makan dan membantu merehatkan badan.

## Maqam al-Rast

(Bintang: Aries, Capricorn; Planet: Marikh; Unsur: Api, Air)



ini sangat berfaedah bagi proses menyembuhkan pesakit spastik dan autistik.

## Maqam al-Nahawand

(Bintang: Capricorn; Planet: Saturn, Jupiter; Unsur: Tanah, Api)

Maqam al-Nahawand bersifat panas dan kering. Kesan penggunaannya sangat baik pada waktu tengah hari. Maqam ini mempunyai kait dengan waktu siang, maskulin, dan hempedu berwarna kekuningan. Maqam ini satu daripada tonaliti yang paling purba.

Fungsi: Maqam al-Nahawand memberikan kesan terhadap pengaliran darah, bahagian perut, pinggang, paha dan kaki. Maqam ini memberikan manfaat terhadap kesakitan perut yang melampau, sakit pinggang, dan apa-apa sahaja yang berkaitan dengan tekanan darah. Terdapat bukti penting bahawa maqam ini mampu memberikan kesan terhadap gangguan mental.

## Maqam al-Saba

Maqam al-Saba mendorong perasaan mendekati agama, keberanian dan kekuatan. Maqam ini juga membantu kelegaan dan merehatkan tubuh serta sangat berkesan pada waktu subuh.